

BAHASA MELAYU TAHUN 5 TAJUK : BENCANA ALAM DI MALAYSIA

SET INDUKSI

LANGKAH 1

LANGKAH 2

LANGKAH 3

LANGKAH 4

PENUTUP

RANCANGAN
PENGAJARAN HARIAN

OBJEKTIF PELAJARAN

- Murid dapat bercerita dengan menggunakan kata, frasa, ayat serta sebutan dan intonasi yang baik dan jelas
- Murid akan dapat menggunakan pelbagai jenis ayat dan wacana dalam penulisan.



BENCANA ALAM - BANJIR



Apakah contoh lain bencana alam?





Apakah kesan bencana alam kepada kehidupan manusia?

Pada pendapat anda, apakah langkah berkesan untuk mengurangkan risiko bencana alam?

Senaraikan bencana alam yang tidak berlaku di Malaysia?



Baca petikan di bawah dengan teliti dan cari kata hubung dalam petikan tersebut



Bencana alam merujuk kejadian alam yang mampu memusnahkan negara dan penduduknya. Negara kita memang sering dilanda banjir, ribut, kemarau dan kebakaran hutan kerana pelbagai faktor yang mendorong keadaan ini mudah berlaku terutama ketika bumi dikatakan sedang mengalami perubahan cuaca yang drastik dalam tempoh yang terdekat ini. Sesungguhnya, ada banyak faktor yang mendorong keadaan ini dan ada banyak langkah yang boleh diambil untuk membendungnya daripada terus berlaku.



Kejadian bencana alam sering dikaitkan dengan kemusnahan alam sekitar terutama kemusnahan hutan belantara negara. Keadaan ini wujud kerana hutan dianggap menjadi pelindung atau penahan berlakunya kejadian banjir dan kemarau kerana keupayaannya untuk menakung air dan menyalirkan air dengan baik. Kemusnahan hutan menyebabkan muka bumi menjadi kosong dan mendorong mudahnya berlaku semua bencana alam ini. Oleh itu, kemusnahan hutan perlulah dipantau dengan lebih teliti oleh pihak kerajaan.



Sudah pasti langkah yang paling penting dilakukan ialah kerajaan mengetatkan peraturan berkaitan dengan alam sekitar dengan lebih baik. Hukuman yang berat harus dikenakan kepada pesalah-pesalah alam sekitar supaya perkara ini menjadi pengajaran kepada orang lain. Kerajaan harus menjalankan satu usaha pemeriksaan yang holistik tanpa mengecualikan sesiapa jua dalam pemeriksaan ini. Jika kerajaan tegas dalam hal ini, sudah pasti masalah ini mampu diselesaikan.



Kesimpulannya, bencana alam akan terus berlaku di negara kita. Sikap masyarakat yang sambil lewa kerana menganggap alam bukan tanggung jawab mereka telah menyebabkan masalah ini menjadi semakin rumit untuk diselesaikan. Mungkin kita semua lupa bahawa setiap kali bencana alam melanda negara ini setiap kali itulah ada nyawa manusia yang melayang. Agaknya kita menilai nyawa manusia sama seperti alam?



Jawapan



Bencana alam merujuk kejadian alam *yang* mampu memusnahkan negara *dan* penduduknya. Negara kita memang sering dilanda banjir, ribut, kemarau *dan* kebakaran hutan kerana pelbagai faktor *yang* mendorong keadaan ini mudah berlaku terutama ketika bumi dikatakan sedang mengalami perubahan cuaca *yang* drastik dalam tempoh terdekat ini. Sesungguhnya, ada banyak faktor *yang* mendorong keadaan ini *dan* ada banyak langkah boleh diambil *untuk* membendungnya daripada terus berlaku.



Kejadian bencana alam sering dikaitkan *dengan* kemusnahan alam sekitar terutama kemusnahan hutan belantara negara. Keadaan ini wujud kerana hutan dianggap menjadi pelindung *atau* penahan berlakunya kejadian banjir *dan* kemarau kerana keupayaannya *untuk* menakung air *serta* menyalirkan air dengan baik. Kemusnahan hutan menyebabkan muka bumi menjadi kosong *dan* mendorong mudahnya berlaku semua bencana alam ini. Oleh itu, kemusnahan hutan perlulah dipantau *dengan* lebih teliti oleh pihak kerajaan.



Sudah pasti langkah *yang* paling penting dilakukan ialah kerajaan mengetatkan peraturan berkaitan alam sekitar *dengan* lebih baik. Hukuman *yang* berat harus dikenakan kepada pesalah-pesalah alam sekitar supaya perkara ini menjadi pengajaran kepada orang lain. Kerajaan harus menjalankan satu usaha pemeriksaan *yang* holistik tanpa mengecualikan sesiapa jua dalam pemeriksaan ini. Jika kerajaan tegas dalam hal ini, sudah pasti masalah ini mampu diselesaikan.



Kesimpulannya, bencana alam *akan* terus berlaku di negara kita. Sikap masyarakat *yang* sambil lewa kerana menganggap alam bukan tanggungjawab mereka telah menyebabkan masalah ini menjadi semakin rumit *untuk* diselesaikan. Mungkin kita semua lupa bahawa setiap kali bencana alam melanda negara ini setiap kali itulah ada nyawa manusia *yang* melayang. Agaknya kita menilai nyawa manusia sama seperti alam?



Cari isi penting yang
terdapat dalam petikan



Bencana alam merujuk kejadian alam yang mampu memusnahkan negara dan penduduknya. Negara kita memang sering dilanda banjir, ribut, kemarau dan kebakaran hutan kerana pelbagai faktor yang mendorong keadaan ini mudah berlaku terutama ketika bumi dikatakan sedang mengalami perubahan cuaca yang drastik dalam tempoh yang terdekat ini. Sesungguhnya, ada banyak faktor yang mendorong keadaan ini dan ada banyak langkah yang boleh diambil untuk membendungnya daripada terus berlaku.




Kejadian bencana alam sering dikaitkan dengan kemusnahan alam sekitar terutama kemusnahan hutan belantara negara. Keadaan ini wujud kerana hutan dianggap menjadi pelindung atau penahan berlakunya kejadian banjir dan kemarau kerana keupayaannya untuk menakung air dan menyalirkan air dengan baik. Kemusnahan hutan menyebabkan muka bumi menjadi kosong dan mendorong mudahnya berlaku semua bencana alam ini. Oleh itu, kemusnahan hutan perlulah dipantau dengan lebih teliti oleh pihak kerajaan.



Sudah pasti langkah yang paling penting dilakukan ialah kerajaan mengetatkan peraturan berkaitan dengan alam sekitar dengan lebih baik. Hukuman yang berat harus dikenakan kepada pesalah-pesalah alam sekitar supaya perkara ini menjadi pengajaran kepada orang lain. Kerajaan harus menjalankan satu usaha pemeriksaan yang holistik tanpa mengecualikan sesiapa jua dalam pemeriksaan ini. Jika kerajaan tegas dalam hal ini, sudah pasti masalah ini mampu diselesaikan.



Kesimpulannya, bencana alam akan terus berlaku di negara kita. Sikap masyarakat yang sambil lewa kerana menganggap alam bukan tanggung jawab mereka telah menyebabkan masalah ini menjadi semakin rumit untuk diselesaikan. Mungkin kita semua lupa bahawa setiap kali bencana alam melanda negara ini setiap kali itulah ada nyawa manusia yang melayang. Agaknya kita menilai nyawa manusia sama seperti alam?



JAWAPAN




Bencana alam merupakan kejadian alam yang memusnahkan negara dan penduduk

Kejadian bencana alam sering dikaitkan dengan kemusnahan alam sekitar

Bencana alam

Kerajaan mengetatkan peraturan berkaitan dengan alam sekitar

Bencana alam akan terus berlaku di negara kita- semakin rumit



Lengkapi ayat di bawah
dengan jawaban yang tepat



_____ menyebabkan bangunan bergegar.

Air _____ boleh mendatangkan pelbagai jenis penyakit.

Rumah yang berhampiran lereng bukit boleh diancam bencana _____


Letusan _____ memusnahkan harta benda.

Gunung berapi

Tanah runtuh

banjir

Gempa bumi



JAWAPAN

Gempa bumi menyebabkan bangunan bergegar.

Air *banjir* boleh mendatangkan pelbagai jenis penyakit.

Rumah yang berhampiran lereng bukit boleh diancam bencana *tanah runtuh*

Letusan *gunung berapi* memusnahkan harta benda.

Gunung berapi

Tanah runtuh

banjir

Gempa bumi




Bina ayat menggunakan
perkataan yang diberi



BINA AYAT

1. banjir - tenggelam - pindah
2. Kerajaan - bantu - wang
3. Mangsa - pindah - sekolah
4. Rumah - rosak - rugi



JAWAPAN

JAWAPAN

1. Banjir menyebabkan rumah tenggelam dan penduduk pindah ke tempat lebih selamat
2. Pihak kerajaan membantu mangsa bencana alam dengan memberi wang.
3. Mangsa diarahkan untuk pindah ke tempat yang disediakan iaitu sekolah.
4. Kesan banjir menyebabkan banyak rumah rosak dan pemilik rumah rugi.



LEMBARAN KERJA

- Sila baca brosur yang disediakan dan jawab soalan yang diberikan.

- Apakah yang dimaksudkan dengan bencana alam?
- Apakah kesan utama berlaku bencana alam kepada manusia?
- Apakah kesan daripada persidangan peringkat kebangsaan untuk menguruskan bencana alam?

BROSUR




LEMBARAN KERJA

- Sila layari <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/isu-nasional/325-info-ringkas/2691-menangani-bencana-alam-angkara-manusia.html>

Apakah langkah-langkah sesuai untuk menangani masalah bencana alam?

Jika tidak dapat melawati pautan yang disediakan sila tekan butang di bawah



JAWAPAN



JAWAPAN

- Apakah yang dimaksudkan dengan bencana alam?

Bencana alam ialah bencana yang diakibatkan oleh peristiwa atau serangkaian peristiwa yang disebabkan oleh alam seperti gempa bumi, tsunami, gunung berapi, banjir, kemarau, angin taufan, dan tanah runtuh.

- Apakah kesan utama berlaku bencana alam kepada manusia?

Kesan utama bencana alam ialah banyak nyawa terkorban dan berbilion harta musnah



- Apakah kesan daripada persidangan peringkat kebangsaan untuk menguruskan bencana alam?

Kesan daripada persidangan peringkat kebangsaan untuk menguruskan bencana alam ialah dapat membantu mewujudkan jaringan pelbagai halasupaya setiap pihak akan lebih bersedia menghadapi cabaran pada masa hadapan.



- Apakah langkah-langkah sesuai untuk menangani masalah bencana alam?

Langkah-langkah sesuai untuk menangani masalah bencana alam ialah penyelidikan berterusan berkaitan bencana alam, melalui pendidikan awam atau komuniti, menjayakan kerjasama masyarakat antarabangsa, meningkatkan komunikasi antara pemimpin negara, mempergiat kerjasama dalam penyelidikan berkaitan teknologi, mewujudkan perkongsian teknologi, menjalinkan hubungan erat dalam pertubuhan antarabangsa





- Bencana alam merupakan perkara semulajadi.
- Bencana alam membawa banyak kesan negatif kepada manusia
- Bencana alam dapat diatasi dengan bekerjasama.



TAMAT

